



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 17 FEBRUARI 2023**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	MOHAMAD SABU: RM850,000 ALLOCATED FOR LIVESTOCK FARMING, HOME, BORNEO POST (KUCHING) -3 MAFI BELUM TERIMA RM37 JUTA DANA OBLIGASI SOSIAL 2021, NASIONAL, BH -9	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (MAFS)
3.	DIVING DEEP INTO TURTLE DEATHS, NATION, THE STAR -13	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
4.	AGROBANK, EUROFRESH INK RM16m DEAL, NEWS, NST -10	AGROBANK
5. 6. 7. 8. 9.	PERKASAKAN PERTANIAN BANDAR, LOKAL, HM -12 RAMAI CARI SAYUR PUNCA KENA IMPORT, NEGARA, KOSMO -16 JURUTERA TANAM SAYUR HIDROPONIK RAIH RM6,000 SEBULAN, NEGARA, KOSMO -16 JURUTERA TANAM SAYUR HIDROPONIK RAIH RM6,000 SEBULAN, DALAM NEGERI, UM -30 HASIL KELAPA TERJEJAS AKIBTA BANJIR TERMENUNG, DALAM NEGERI, UM -30	LAIN-LAIN

UKK MAFS

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFS, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	Mohamad Sabu: RM850,000 allocated for livestock farming		
MediaTitle	Borneo Post (Kuching)		
Date	17 Feb 2023	Color	Black/white
Section	Home	Circulation	60,767
Page No	3	Readership	182,301
Language	English	ArticleSize	181 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,234
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 3,702



Mohamad Sabu: RM850,000 allocated for livestock farming



Chiew
Choon Man

MIRI: The Ministry of Agriculture and Food Industry has allocated RM850,000 for commercial livestock farming in Sarawak under the 12th Malaysia Plan.

This includes a total of RM650,000 which was provided to 65 poultry farmers, and a total of RM200,000 given out to 20 pig farmers in the state.

The Minister of Agriculture and Food Security Datuk Seri

Mohamad Sabu said this in his written reply to Miri MP Chiew Choon Man.

The MP had previously questioned the ministry on whether there are any plans to provide any assistance in aiding the livestock farmers reduce production cost of eggs, poultry meat and pork in the state; in the efforts to reduce the market price of the food items.

Mohamad Sabu in his reply,

said Sarawak state government through the Veterinary Services Department has aided livestock farmers in the form of agriculture inputs including site preparations, technology development, farm supplies, fencing, building material, infrastructure, and utilities.

The ministry has also approved a total of RM1.69 billion in subsidies to 18,860 applicants nationwide as of Feb 14 this year, and plan to further mitigate

the spread of African Swine Flu as a short-term measure to reduce the production costs, he

said.

He added the long-term measures taken by the ministry include the target to reduce 30 per cent of maize import by 2032; while undertaking research to produce palm based livestock feed (PKC/PKE); with RM300 million in loans dispersed through Agrobank to livestock farmers who are facing cash

flow issues due to rising cost of production.

This includes technical advice and assistance for disease control and good farming practices to boost food security in the country, he said.

Meanwhile, Chiew urged farmers in Miri to apply and participate in the programme offered by the government to increase food production which will then lower the market price of food items.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/2/2023	BERITA HARIAN	NASIONAL	9

MAFI belum terima RM37 juta dana obligasi sosial 2021

Kuala Lumpur: Laporan Ketua Audit Negara (KAN) 2021 Siri 2 mendapati dana obligasi sosial daripada syarikat konsesi berjumlah RM37 juta pada 2021 belum diterima oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

Menurut laporan berkenaan, perkara itu berlaku disebabkan kelemahan pemantauan oleh MAFI terhadap terma perjanjian konsesi dan ketiadaan prosedur kerja yang jelas berkaitan pelaksanaan obligasi sosial yang telah dipersetujui.

Perjanjian konsesi menetapkan Jawatankuasa Pemantauan bertanggungjawab untuk menilai pematuhan syarikat konsesi terhadap terma perjanjian termasuk 10 obligasi sosial yang perlu dilaksanakan antaranya mengurus pembayaran subsidi harga padi.

"Secara keseluruhannya, terdapat kelemahan dalam terimaan dana berbentuk kewangan dan aset serta bayaran Skim Subsidi Harga Padi (SSHP) di bawah perjanjian konsesi pengurusan industri padi dan beras negara," menurut LKAN 2021 Siri 2 yang dikeluarkan semalam.

Sementara itu, analisis audit mendapati berlaku pembayaran SSHP berjumlah RM0.73 juta yang tidak teratur kepada pesawah yang meninggal dunia serta pembekalan jentera bernilai RM3.12 juta tidak mematuhi perjanjian konsesi manakala jentera bernilai RM0.87 juta belum digunakan dan telah rosak.

Bagi mengatasi kelemahan itu, audit mengesyorkan kepada MAFI tiga penambahbaikan yang boleh dilaksanakan bagi kelancaran pengurusan terimaan dana berbentuk kewangan dan aset berkenaan.

Antaranya, menubuhkan akaun amanah dengan segera dan mendapatkan dana obligasi sosial selaras dengan perjanjian konsesi bagi memberi manfaat kepada golongan sasaran.

Laporan itu turut mengesyorkan supaya penambahbaikan dibuat terhadap prosedur operasi standard bayaran SSHP dan menetapkan mekanisme pemantauan yang lebih berkesan agar pembayaran dilaksanakan dengan teratur.

Selain itu, kementerian perlu memastikan kajian keperluan jentera dilaksanakan dan program penyenggaraan disediakan agar jentera dan mekanisasi padi sentiasa tersedia untuk digunakan oleh pesawah.

BERNAMA

Diving deep into turtle deaths

UMT sets up autopsy group to empower sea turtle conservation efforts

DUNGUN: A tripartite collaboration has started in Terengganu to have a turtle autopsy group as part of efforts to address sea turtle deaths in the state.

Universiti Malaysia Terengganu (UMT), the Terengganu Fisheries Department, and Fuze Ecoteer Outdoor Adventures, said probing the circumstances surrounding turtle deaths is important as part of turtle conservation efforts.

UMT Institute of Oceanography and Environment, External Research Laboratory head Dr Mohd Uzair Rusli said the first-of-its-kind initiative in this country was taken to unravel the actual cause of turtle deaths, which had thus far only been determined based on assumptions without accurate and reliable scientific evidence.

"We have about 30 workers in this group, consisting of researchers from UMT and the Rantau Abang Malaysian Fisheries Research Institute (FRU), who will act as facilitators.

"We will train and expose the conservation workers who consist of our non-governmental organisation partners in the field, on how to identify the cause of turtle deaths...not merely reporting



Unravelling the cause:

Groups conducting autopsies on sea turtle carcasses to ascertain the animals' cause of death at the Rantau Abang FRI in Terengganu. — Bernama

servation and ecological balance, but also those pertaining to the socioeconomic factors," he said.

Mohd Uzair told Bernama that DNA samples from the carcasses will be sent to the UMT laboratory and the Chemistry Department in Peraling Jaya for analysis and further action.

He said that according to the Terengganu Fisheries Department, the number of turtle deaths in Terengganu climbed from 51 in 2021 to 71 last year.

Meanwhile, Fuze Ecoteer Outdoor Adventures founder Daniel Quilter said the Sime Darby Foundation provided funding for the autopsy group through a Terengganu turtle conservation grant totalling RM700,000 for three years starting last year.

He said in addition to the establishment of the turtle autopsy group, Fuze Ecoteer also funded turtle conservation projects on state islands and turtle tracking in collaboration with UMT's Sea Turtle Research Unit (Seatur).

"About 85% of turtle landings in the peninsula are in the state, so Terengganu is an appropriate choice to lead conservation efforts," he said.

will have a bad impact on the people because the industries are the main catalyst of Terengganu's economy.

"Therefore the establishment of this turtle autopsy group will not only look into issues relating to con-

perception that fishing and tourism-related activities were the leading causes of turtle deaths in this state.

"Pointing fingers at the fishing and tourism sectors without understanding the root of the problem

and collecting related data," he said when met at the Rantau Abang FRI here on Wednesday.

According to him, external examination was insufficient to determine the cause of turtle deaths, and added this would also dispel the

Eggs straight from the farm all sold out at Fama fairs

A DIRECT-SELLING programme from the Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) in Pahang has proven to be popular with consumers, especially for eggs that were sold at between RM1 and RM3 cheaper than market price for a tray of 30, reported *Berita Harian*.

Pahang Fama director Saiful Sadri said a total of 51,600 Grade A, B, C and omega-rich eggs were sold under the programme between last month and the 15th of this month, with a sales value of RM22,188.

He said the eggs were sold at six locations, adding that sale for chicken, fruits and vegetables was also very encouraging.

"A tray of 30 Grade A eggs is sold at RM13, RM12.50 for Grade B and RM12 for Grade C. The omega-rich

eggs are priced at RM16.

"In other places, these eggs are being sold for between RM13 and RM19, depending on the grade," he said.

Of the 12,000 eggs sold at the Bukit Tani Rangan Perdana 2 Farmer's Market in Kuantan that drew overwhelming response from shoppers, he said all of it was gone in less than three hours.

"Through the programme, we hope it can ease the burden of consumers," he said.

> *Harian Metro* reported that a couple's interest in collecting antiques had turned their restaurant in Gua Musang, Kelantan, into an attraction for visitors.

Dalam Taman D'Tasik Restaurant owners, husband Zakaria Daud, 66,

and wife Nasitah Awang, 63, have been collecting antiques for the past 30 years.

Among the items on display at their restaurant is a 30-piece collection of *kankung* flower plates from the 1980s and three saws with alligator tail handles.

There are also rustic machines used in rubber production, old bottles, crockery and buffalo horns.

"The idea of opening a classic laid-back garden concept restaurant featuring unique antiques came from my wife," said Zakaria.

"I have been collecting the items for the past 30 years.

"These things used to be easily available but it is harder to find them now."

He said during the massive flood

that hit Kelantan in 2014, they lost many items in their collection, including 4,000 bottles of various brands, some of which were over 60 years old.

> Popular singer Datuk DJ Dave, who celebrated his 75th birthday on Valentine's Day, says he maintained his health and stamina by keeping himself active, reported *Utusan Malaysia*.

The singer, who was popular in the 1970s and 1980s, said he enjoys exercise and sports, adding that he also keeps an eye on what he eats, a habit he cultivated from his younger days.

He is also a firm believer that people do not need any sort of vitamin injections or treatments, which only provides temporary gain or relief.

17/2/2023

NST

NATION

10

TRADE WORKING CAPITAL FINANCING

Agrobank, Eurofresh ink RM16m deal

IPOH: Agrobank has offered RM16 million worth of trade working capital financing to Eurofresh Sdn Bhd, a subsidiary of the Perak State Agricultural Development Corporation (SADC).

Eurofresh has been involved in importing frozen meat and seafood for 30 years, and has a range of products from countries such as Australia, New Zealand, Brazil, Chile, India, Korea, China and others.

Menteri Besar Datuk Seri Saarani Mohamad said the collaboration was in line with the state government's commitment to forge partnerships with various parties to achieve its food security empowerment agenda.

"This strategic move is not only a catalyst for the development of the basic agricultural sector, but can attract the interest of entrepreneurs, especially young people, to venture into the agriculture field," he said.

A trade working capital financing facility worth RM4 million had been offered to Eurofresh before the strategic collaboration with Perak SADC in 2022.

The financing facility had helped Eurofresh increase its annual sales

revenue. In 2022, the company recorded RM111 million in sales.

Agrobank chief executive officer Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin said he was confident that the financing facility could empower the country's agriculture sector.

He said as a financial institution with a focus on developing the country's agricultural sector, such financing would also boost the country's food supply sustainability.

"This strategic collaboration and funding injection aim to ensure that the development of the trading transaction ecosystem based on agriculture and agro-food can be developed more sustainably.

"It not only strengthens the company's cash flow, but also helps improve the quality and quantity of production, besides developing socio-economic standards, increasing the level of self-sufficiency and contributing to the country's economic growth.

"This facility will help Eurofresh achieve higher sales this year," he said after handing over the financing facility at the state government's Mesra Meet the Clients Day programme at Stadium Indera Mu- lia here yesterday.



Agrobank chief executive officer Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Hussin (left) handing a mock cheque of RM16 million to Eurofresh Sdn Bhd chief executive officer Jasmeen Dillon in Ipoh yesterday. With them is Menteri Besar Datuk Seri Saarani Mohamad (third from left). PIC BY L. MANIMARAN

Tengku Ahmad Badli handed over the facility to Eurofresh chief executive officer Jasmeen Dillon during the ceremony, which was witnessed by Saarani.

Jasmeen said as one of the longest-running companies in the industry, Eurofresh aims to be the leading firm in existing frozen products and the local fresh meat industry. "This trade financing facility can also support Eurofresh's goal to

meet the demand for the company's products, especially local fresh meat," she said.

Perak SADC chief executive officer Yahanis Yahya said the funding could increase the company's large-scale food production and help the state government succeed in its food security agenda, which is the first flagship in the Perak Sejahtera 2023 Plan.

At the event, Agrobank also presented a gift donation amounting to RM18,000 for the School Edu Farming and Mosque Urban Farming Competition 2022.

The competition was jointly organised by Perak SADC, the Perak Agriculture Department, the state Education Department and the Perak Islamic Religion and Malay Customs Council.

It featured the self-sustainability concept to attract the younger generation and the community to be involved in the agricultural sector.

Perkasakan pertanian bandar

Urban farming membudayakan aktiviti bercucuk tanam bagi mengurangkan perbelanjaan harian

Oleh Muhammad Zulsyamini Sufian Suri
am@hmetro.com.my

Ipoh

Pemeriksaan pertanian bandar atau *urban farming* merupakan antara kaedah pendekatan alternatif bagi mengukuhkan agenda sekuriti makanan dengan menggalakkan masyarakat membudayakan aktiviti bercucuk tanam bagi yang sekali gus dapat mengurangkan perbelanjaan harian dalam mendepani peningkatan kos sara hidup.

Justeru, pertandingan *urban farming* yang menyasarkan institusi tertentu khususnya rumah ibadat serta institusi pendidikan di peringkat rendah dan menengah wajar diperluaskan dalam menyokong usaha kerajaan menggalakkan pertanian bandar menerusi perkasakan 'Dasar Kebun Komuniti Bandar'.

Mengambil tanggungjawab itu, Pertandingan *Urban Farming* Masjid/Surau dan Pertandingan Edu Farming Sekolah peringkat negeri Perak diadakan membolehkan kerjasama rentas jabatan serta agensi termasuk Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (Perak SADC), Agrobank, Jabatan

Pertanian Negeri Perak, Jabatan Agama Islam Negeri Perak (JAIPK), Jabatan Pendidikan Negeri Perak, serta Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPK). Pengaliran pertandingan sedemikian juga memperlihatkan komitmen kerajaan negeri melalui jabatan dan agensi pertanian dalam mendukung komuniti Agro yang terdiri daripada pelbagai latar belakang untuk terus mempromosikan konsep pertanian lestari dan pintar, sekali gus sebagai platform mengukuhkan kestarian sekuriti makanan serta pemerkasakan konsep pertanian pintar.

Ini sebagai rangsangan kepada

gi menjadikan aktiviti pertanian termasuk pertanian bandar sebagai kaedah penghasilan bahan makanan sendiri selain berpotensi untuk diketengahkan sebagai sumber penjanaan pendapatan utama atau sampingan sama ada kepada individu perseorangan mahupun sesebuah komuniti keseluruhannya.

Menteri Besar Perak Datuk Seri Saarani Mohamad berkata, sekuriti makanan sememangnya diletakkan sebagai antara teras utama dalam pelan Perak Sejahtera 2030 cetusannya yang mana disebabkan itu sebarang program ke arah menajayakan agenda itu termasuk da-

lam menarik minat masyarakat semestinya disokong penuh.

"Kita letakkan sekuriti makanan sebagai keutamaan oleh itu kita ada program berkaitannya dengan tujuan menarik minat rakyat Perak untuk menyiapkan keperluan barang makanan sendiri. Kita hendak lebih ramai orang berstap sedia dengan apa yang dipanggil sebagai *kitchen farm* (pertanian dapur).

"Sebab itu, ia kena dilakukan dengan pendidikan di peringkat awal dengan membuat pertandingan membolehkan antara sekolah dengan harapan agar sekolah di Perak menggalak-

kan pelajarinya mencintai kerja pertanian, begitu juga di surau serta masjid dalam kalangan ahli karibah.

"Pertandingan yang diadakan bukan sekadar bagi mencari pemenang namun sebaliknya dengan harapan pertanian akan menjadi budaya kepada pelajar sekolah berkenaan serta keluarganya di samping masyarakat am bagi kategori surau dan masjid," katanya.

Beliau berkata demikian ketika sidang media selepas menyempurnakan pelancaran Pertandingan *Urban Farming* Masjid/Surau 2023 serta mallis penyampaian hadiah Pertandingan Edu Farming Sekolah 2022 peringkat



SAARANI (tiga dari kiri) menyampaikan replika cec kepada wakil sekolah kebangsaan Changkat Lohak Bagan Serai pada Majlis Pelancaran Pertandingan Urban Farming Masjid/Surau 2023 Peringkat Negeri sempena Program MESRA Hari Bertemu pelanggan kerajaan negeri di Stadium Indra Mutia, Ipoh.

kat negeri sempena Program MESRA Hari Bertemu Pelanggan kerajaan negeri di pekarangan Stadium Indra Mutia di sini, semalam.

Turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif Perak SADC Yahanis Yahya.

Bagi Pertandingan *Edu Farming* Sekolah 2022, sebanyak 16 sekolah mengambil bahagian membabitkan kategori sekolah rendah dan sekolah menengah.

Kategori sekolah rendah dimenangi oleh Sekolah Kebangsaan (SK) Changkat Lohak, Kerian manakala juara kategori sekolah menengah disandang Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Idris Shah, Gopeng.

Bagi kedua-dua kategori yang membabitkan penyertaan sekolah dari daerah Kinta Utara, Kinta Selatan, Perak Tengah dan Kerian itu, johan membawa pulang RM6,000, diikuti naib johan (RM4,000) dan tempat ketiga (RM2,000) selain turut membawa pulang plak serta sijil.

Untuk Pertandingan *Urban Farming* Masjid/Surau 2023 pula, hadiah wang tunai keseluruhan RM36,000 bersama plak dan sijil turut ditawarkan dengan penyertaan bagi pertandingan ini masih dibuka sehingga 28 Februari ini membabitkan komuniti masjid atau surau di seluruh Perak.

Beli dari luar penuhi permintaan di Cameron Highlands

Ramai cari sayur punca kena import

Oleh LUQMAN RIDHWAN
MOHD. NOR

CAMERON HIGHLANDS – Permintaan yang terlalu tinggi serta faktor musim menyebabkan sebahagian pembekal sayur-sayuran serta buah-buahan di sini, mengimportnya dari negara pembekal lain.

Kebanyakan negara pembekal bagi brokoli dan kubis bunga adalah diimport dari China, Australia dan Thailand.

Keledek pula dari Vietnam, Indonesia dan Thailand sementara pisang kaki dari Korea Selatan, New Zealand serta China.

Kata seorang sumber pembekal sayur di sini yang enggan dikenali, faktor sayur-sayuran bermusim juga menyebabkan sebahagiannya terpaksa diimport kerana kekurangan hasil pengeluaran di Cameron Highlands.

"Tidaklah 100 peratus sayur-sayuran dan buah-buahan yang dijual di Cameron Highlands diimport. Ada juga yang dihasilkan secara lokal, namun jika diimport, ia ekoran permintaan tinggi dari pengguna," jelasnya.

Kata sumber itu, ramai datang ke tanah tinggi itu untuk membeli sayur-sayuran disebabkan permintaan tinggi itu, pihaknya terpaksa mengimport sayur luar untuk memenuhi keperluan berkenaan.

Menurut data Jabatan Pertanian Cameron Highlands, ke-



SAYUR-SAYURAN dan buah-buah segar yang dijual di sebuah premis di Cameron Highlands. – MUHAMAD NAZREEN SYAH MUSTHAFA



KERATAN Kosmo! semalam.

luas fizikal tanaman sayur-sayuran dan lain-lain di lokasi perangan tersebut berjumlah 6,052 hektar secara keseluruhan.

Daripada jumlah berkenaan, sayur-sayuran merangkumi

3,747.75 hektar ataupun 62 peratus daripada jumlah keseluruhan tanaman di Cameron Highlands.

Jagung yang popular di Cameron Highlands termasuk dalam kategori lain-lain hanya diusahakan seluas 65 hektar atau 1 peratus dari keseluruhan tanaman pertanian di Cameron Highlands atau 1.7 peratus daripada keluasan tanaman sayur.

Dalam pada itu, sumber itu berkata, kebanyakan petani telah beralih ke arah menanam tomato kerana ia lebih menguntungkan dan kualiti lebih bagus.

Jurutera tanam sayur hidroponik raih RM6,000 sebulan



WAN MUHAMAD ANIS (kiri) bersama hasil sayuran yang dikutip pekerjaannya yang diusahakan secara hidroponik di belakang rumahnya di Bandar Mas, Kota Tinggi.

KOTA TINGGI – Seorang jurutera di Bandar Mas di sini, berjaya meraih pendapatan sampingan sehingga RM6,000 sebulan melalui tanaman diusahakan secara hidroponik.

Wan Muhamad Anis Wan Mat, 30, berkata, dengan memanfaatkan keluasan tanah 4,000 kaki persegi di belakang rumahnya, dia menanam sayuran seperti sawi hijau, sawi putih, kangkung dan bayam.

Jelasnya, melalui 22 rak hidroponik yang dibangunkan itu dia berjaya meraih hasil sayuran sehingga 80 kilogram seminggu.

"Projek tanaman ini sebagai sampingan sahaja kerana saya mempunyai kerjaya sendiri iaitu

jurutera minyak dan gas. Saya seorang yang minat dalam bidang keusahawanan sejak dahulu lagi dan pernah juga cuba untuk bisnes lain.

"Saya pernah 'survey' untuk buka perniagaan seperti kedai buku, namun saya dapati kos terlalu tinggi. Jadi bila fikir balik saya ada kemahiran dalam bidang kejuruteraan kemudian saya cuba hasilkan sendiri sistem tanaman secara hidroponik ini.

"Bidang pertanian secara sampingan ini telah saya ceburi sejak tiga tahun lalu bermula dengan tanaman cili sebanyak 2,000 polibeg. Sekarang saya bertukar kepada sayuran yang mana pulangnya saya dapati lebih

cepat diperolehi berbanding cili," katanya ketika ditemui di kediamannya di sini.

Bapa kepada seorang anak itu berkata, dia melabur kira-kira RM35,000 sebagai modal untuk membina sistem hidroponik yang diambil ilham dari perkongsian di YouTube.

Katanya, pekerjaannya yang banyak bermain dengan sistem perpaipan memudahkan lagi dia untuk membuat inovasi terhadap sistem pertanian itu untuk memudahkan lagi proses tanaman.

"Sistem ini mudah tidak perlu tenaga yang ramai, kaedah-nya juga hanya perlu menekan suis sahaja sahaja," jelasnya.

Jurutera tanam sayur hidroponik raih RM6,000 sebulan

Oleh MASTURAH SURADI
utusannews@mediamulla.com.my


KOTA TINGGI: Menggunakan kepakaran yang dimiliki, seorang jurutera di Bandar Mas di sini berjaya meraih pendapatan sampingan sehingga RM6,000 sebulan dengan mengusahakan tanaman sayur-sayuran secara hidroponik.

Wan Muhamad Anis Wan Mat, 30, memanfaatkan tanah lapang di belakang rumahnya dengan menanam sawi hijau, sawi putih, kangkung dan bayam menggunakan 22 rak hidroponik serta berjaya meraih hasil sehingga 80 kilogram seminggu.

"Projek tanaman ini sebagai sampingan kerana saya mempunyai kerjaya sendiri, iaitu jurutera minyak dan gas. Saya memang minat dalam bidang keusahawanan sejak dahulu dan pernah juga cuba untuk bisnes lain.

"Saya pernah 'risik-risik' untuk buka perniagaan seperti kedai buku dan gimnasium, namun dapati kos terlalu tinggi. Jadi, bila fikir balik saya ada kemahiran dalam bidang kejuruteraan kemudian saya cuba hasilkan sendiri sistem tanaman secara hidroponik ini.

"Bidang pertanian secara sampingan ini telah saya ceburi sejak tiga tahun lalu bermula dengan tanaman cili sebanyak 2,000 pokok. Kemudian sekarang saya tukar dengan sayur-sayuran yang pulungannya lebih cepat berbanding cili," katanya ketika ditemui



WAN Muhamad Anis Wan Mat bersama sayur-sayuran yang ditanam menggunakan kaedah hidroponik di belakang rumahnya di Bandar Mas, Kota Tinggi.

Utusan Malaysia di kediamannya di sini.

Bapa kepada seorang anak itu melaburkan kira-kira RM35,000 sebagai modal untuk membina sistem hidroponik yang diambil ilham daripada perkongsian dalam YouTube.

Pekerjaannya yang banyak 'bermain' dengan sistem perpaipan memudahkan lagi dia menghasilkan inovasi terhadap sistem pertanian itu untuk memudahkan lagi proses tanaman.

"Sistem ini mudah dan tidak perlukan tenaga yang ramai, kaedahnya juga hanya perlu menekan suis untuk proses pembajaan, pengairan bermula dari semaian anak pokok sehinggalah dialihkan ke sistem hidroponik.

"Saya mempunyai dua pekerja. Mereka uruskan semuanya terutama ketika saya tiada kerana kadangkala memerlukan saya ke luar daerah. Setiap minggu mereka akan kutip hasil serta hantar ke kedai-kedai," katanya.

Hasil kelapa terjejas akibat banjir termenung

BAGAN DATUK: Pengeluaran kelapa di Bagan Datuk di sini terjejas kesan dari masalah banjir termenung yang melanda daerah ini beberapa bulan lalu.

Pekebun mendakwa, tempoh masa yang agak lama sebelum air surut memberi kesan teruk kepada pengeluaran buah kelapa.

Bercakap kepada Utusan Malaysia, Abdul Rahman Rahmat berkata, dia dan beberapa pekebun terkesan apabila kelapa benih baharu yang ditanam terjejas penghasilannya.

"Saya menanam benih kelapa jenis CN16 seluas lebih tiga ekar dan sebelum tanah kebun saya terendam lama akibat banjir termenung, penghasilannya cukup memuaskan dan buahnya berkualiti.

"Namun selepas banjir termenung surut, saya lihat pengeluarannya agak terjejas, banyak buah yang rosak dan pembesaran pokoknya seperti terbantut.

"Ini mungkin disebabkan terlalu lama kawasan tanah di sini terendam dalam banjir termenung," katanya ketika ditemui di Kampung Sungai Nipah di sini semalam.

Sementara itu, Timbalan

Pengerusi Koperasi Bersepadu Rungkap Berhad (KBRB), Osman Hamzah berkata, banyak kebun kelapa di daerah ini dilanda banjir termenung yang berlaku pada Oktober hingga Disember lalu.


Katanya, ini menyebabkan banyak pokok yang rosak kesan daripada lama terendam dalam air banjir.

Menurutnya, Abdul Rahman merupakan antara pekebun pertama yang menanam kelapa benih baharu itu di daerah ini selain terdapat juga di Tanjung Karang, Selangor iaitu tempat asal benih tersebut.

"Kelapa benih baharu ini memang mendapat sambutan yang tinggi kerana buahnya berkualiti.

"Namun semasa banjir termenung baru-baru ini, banyak pokok kelapa yang terendam di dalam banjir, menyebabkan pembesaran buahnya terencat, daun pokok jadi tidak begitu cantik dan buahnya tidak sesuai dibuat benih.

"Mana-mana koperasi yang terkesan seperti tanaman serta perniagaan terjejas, kami akan berusaha memohon bantuan di bawah tabung koperasi," katanya.



ABDUL Rahman Rahmat (kiri) dan Osman Hamzah menunjukkan pokok kelapa yang terjejas penghasilannya akibat banjir termenung di Kampung Sungai Nipah di Bagan Datuk. - UTUSAN/AIN SAFRE BIDIN